



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY
Aras 15, Blok 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603 8870 1013
Faks : 603 8888 0181

Ruj. Kami : MOA.500-2/4/46 Jld. 6 (63)
Tarikh : 3 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERWAKILAN KUASA PEGAWAI PENGAWAL UNTUK MELAKSANAKAN URUSAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN DAN PENAMATAN PERSONEL MySTEP DI BAWAH INISIATIF MALAYSIA SHORT TERM EMPLOYMENT PROGRAMME TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan supaya inisiatif *Malaysia Short Term Employment Programme* atau MySTEP diteruskan pada tahun 2023. Pelaksanaan perolehan perkhidmatan ini perlu merujuk kepada tatacara yang digariskan dalam Garis Panduan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mana pelaksanaan untuk tahun 2023 turut dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun.

3. Dalam hal ini, bagi memastikan kelancaran urusan di peringkat Bahagian/Jabatan/Agensi, kuasa untuk membuat perolehan perkhidmatan dan penamatan personel MySTEP diwakilkan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sebagai Ketua Bahagian/Jabatan/Agensi masing-masing dan hendaklah dilaksanakan mematuhi Garis Panduan Perolehan Personel MySTEP Tahun 2023, kesemua format kontrak tawaran yang ditetapkan, peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan berdasarkan bilangan yang dirancang untuk tahun 2023 sahaja.

4. Bagi urusan menandatangani kontrak, pihak Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah merujuk kepada surat Pemberian Kuasa di Bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) yang terkini (rujukan MOA.400-9/1/28 Jld. 3 (4) bertarikh 15 Disember 2022).



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO. MY-QMS 02386

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. AR 5894

5. Sebagai langkah kawalan dalam Kementerian, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi:

- 5.1 **Deskripsi Tugas (JD) dan Senarai Output disediakan** untuk menetapkan tugas dan aliran pelaporan serta penyeliaan bagi setiap personel MySTEP yang akan dilantik;
- 5.2 Memastikan **kadar upah** yang ditentukan adalah **setara** dengan jenis, output dan kompleksiti tugas dan bukan sepenuhnya berpandukan kepada kelayakan akademik yang dimiliki; dan
- 5.3 Memastikan **dokumen-dokumen pada senarai di Lampiran A** surat ini disediakan untuk tujuan permohonan dan perlulah lengkap sebelum **diproses**.

6. Bersama-sama ini disertakan juga dokumen berikut untuk rujukan:


- 6.1 Surat daripada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) rujukan JPA. (S)600-3/3/2 (40) bertarikh 23 Disember 2022 bertajuk Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP di Bawah Inisiatif Malaysia *Short-Term Employment Programme* Tahun 2023;
- 6.2 Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP di Bawah Inisiatif Malaysia *Short-Term Employment Programme* Tahun 2023;
- 6.3 Lampiran yang mengandungi:
 - (i) Lampiran 1: Surat Tawaran Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP;
 - (ii) Lampiran 2: Surat Penerimaan Tawaran Personel MySTEP;
 - (iii) Lampiran 3: Kontrak Personel MySTEP;
 - (iv) Lampiran 4: Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 yang perlu ditandatangani oleh personel MySTEP; dan
 - (v) Lampiran 5: Format Laporan Kepada Unit Laksana, Kementerian Kewangan Malaysia.
- 6.4 Kertas Kelulusan Pegawai Pengawal untuk perolehan perkhidmatan Personel MySTEP Tahun 2023.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam pelaksanaan inisiatif ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



(DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID)

s.k.

TKSU (D)

TKSU (P)

SUB (KEW)

SENARAI EDARAN

Edaran Dalaman

SUBK (P)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

SUB (PSM)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Edaran Jabatan/Agensi

Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 17, Wisma Tani
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Aras 2, Lot 4G1, Blok Podium, Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
Aras 1-6, Blok 4G2
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62628 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
Peti Surat 12301, Pejabat Pos Besar
50774 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
Menara LPP, No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
Bangunan FAMAPOINT, Lot 17304 Jalan Persiaran 1
Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves
SELANGOR

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Aras 5, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong
SELANGOR

Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
No. 5, Wisma Nanas
Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru
JOHOR

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Ampang Jajar, Alor Setar
05990 KEDAH

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
Peti Surat 127, Jalan Dato' Lundang
15710 Kota Bharu
KELANTAN

Senarai Dokumen Untuk Permohonan Pengambilan Personel MySTEP

1. Deskripsi Tugas (JD);
2. Borang Penilaian Pencapaian Output (rujuk Lampiran 3: Kontrak Personel MySTEP, muka surat 19);
3. Carta Organisasi;
4. Pengesahan Peruntukan;
5. Justifikasi Keperluan Pengambilan; dan
6. Salinan maklumat personel ingin dilantik berserta **sijil vaksinasi**.